

22/12/1997

Jamin sokong ekuiti 51 peratus pegangan asing

PERSATUAN Agen-Agen Insurans Jaminan Pendapatan Hidup Melayu Malaysia (Jamin) menyokong penuh keputusan kerajaan mengehendkan ekuiti pegangan syarikat asing dalam sektor insurans kepada hanya 51 peratus.

Yang Dipertua Jamin, Mohamad Zainuddin Haji Abu Bakar, berkata keputusan itu dilakukan sebagai memenuhi permintaan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) supaya semua negara anggotanya membuka pasaran global yang lebih terbuka.

"Pada masa yang sama Kerajaan Malaysia juga bertanggungjawab dan berhak memastikan kepentingan ekonomi tempatannya tidak tergadai," katanya dalam satu surat kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Zainuddin berkata, tindakan Amerika Syarikat untuk mengenakan sekatan dagangan terhadap Malaysia kerana tidak memenuhi permintaan negara itu supaya ekuiti syarikat asing dalam sektor insurans dinaikkan kepada 100 peratus, tidak boleh diterima langsung di dalam era sekarang.

Katanya, langkah Kerajaan Malaysia adalah wajar dan saksama kepada negara dan juga WTO. - Bernama

(END)